

Ulama pimpin Pas untuk selamatkan parti — Hadi

KOTA BAHARU, Ahad — Naib Yang Dipertua Pas, Haji Hadi Awang menjelaskan, wujudnya golongan ulama memimpin Pas sekarang tidak bererti ulama telah merampas kuasa dari golongan sekular yang memimpin Pas sebelum ini.

Katanya, tindakan ulama mengambil alih pucuk pimpinan semata-mata untuk menyelamatkan Pas dari kehancuran akibat tindak-tanduk golongan sekular berkenaan yang

menurutnya telah terpecong dari landasan perjuangan Pas yang sebenar.

Haji Hadi menjelaskan, Perlembagaan Pas sendiri menetapkan landasan perjuangan Pas ialah al-Quran, Ijtima ulama dan qias.

Jelasnya, hanya golongan yang memahami landasan berkenaan yang akan dapat melaksanakannya dengan sempurna.

"Golongan ulamalah yang benar-benar memahami landasan itu

dengan sepenuhnya. Jadi, merekalah yang layak memimpin parti Pas," katanya ketika membentangkan syarahan mengenai peranan ulama di Ijtima Pas di sini semalam.

Menuduh

Kata Haji Hadi, sebagai golongan yang memahami al-Quran dan Hadis, mereka sudah tentu mempunyai tugas dan bertanggungjawab menjadi pemimpin, begitu juga keadaannya dalam parti Pas sendiri.

Oleh itu, tambah beliau, tidaklah benar jika ada golongan dalam parti itu menuduh golongan ulama telah merampas kuasa pucuk pimpinan Pas dari golongan sekular yang cetek pengetahuan mereka dalam banyak bidang agama.

Beliau juga bercakap mengenai peranan ulama dalam memperjuangkan kesucian agama Islam, termasuk bersedia di barisan hadapan dalam menghadapi sebarang ancaman terhadap agama Islam.